



کمنتريں سومبرۂ اوتام دان فلنچوئن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

- 1. Bandar Seri Begawan, 9 Oktober 2023** – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Maulidur Rasul bagi tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
- Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir bersama pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap di KSSUP; Yang Mulia Haji Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I; Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar, Timbalan Setiausaha Tetap II; ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disemarakkan dengan penyampaian ceramah khas yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Selahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid Jame 'Asr Hassanil Bolkiah. Tajuk ceramah yang disampaikan ialah 'Muhammad Al-Mustafa, Insan Terpilih'. Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dari warga-warga KSSUP serta Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- Majlis Sambutan Maulidur Rasul merupakan aktiviti keagamaan KSSUP dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang diadakan pada setiap tahun yang mana bertujuan bagi memperingati junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta pengorbanan baginda dalam memperjuangkan agama Islam. Dengan memperingati Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam, orang ramai bukan sahaja akan kembali merenungi sirah dan ajaran yang disampaikan tetapi juga menjadikan baginda sebagai teladan terbaik dalam mempraktikkan sifat dan tatacara kehidupan sehari-harian.

-tamat-

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Bahagian Promosi dan Pemasaran

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan